Pelita Brunei
27 MAC, 1985

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## PESTA SUKAN MERDEKA: KITA LEBIH BERTUJUAN MENCARI PENGALAMAN DARIPADANYA

SUKAN Merdeka telah dirasmikan. Ia adalah merupakan julung kali diadakan dengan disertai oleh ramai ahli-ahli sukan dari negara-negara sahabat dalam ASEAN. Penyertaan yang terhad kepada negara-negara ASEAN itu dilihat oleh setengah-setengah pemerhati sebagai satu Pesta Sukan ASEAN yang disempenakan dengan kemerdekaan negara kita. Itu tidak penting, tetapi yang ternyata kita menganjurkan sedemikian itu lebih bertujuan mencari pengalaman bukan sahaja pada meningkatkan mutu sukan negara ini bahkan yang lebih utama ialah pengalaman pada menyelenggarakan suatu Pesta Sukan yang melibatkan peserta-peserta luar negeri dalam jumlah yang ramai.

Sesungguhnya perhatian orang ramai kepada Pesta Sukan yang akan berlangsung selama seminggu itu sangat baik. Ini dimungkinkan oleh minat mengikuti perkembangan sukan dan kegemaran bersukan yang semakin meningkat dan meluas. Tentu sahaja usaha dan galakan yang diambil inisiatif oleh Kerajaan selama ini berpengaruh memberikan semacam suasana dan semangat kesukanan di kalangan orang ramai. Dalam masa yang sama penyertaan kumpulan-kumpulan orang ramai dalam usaha itu juga sangat menggalakkan. Trend ini dipercayai akan berterusan dan memberi harapan yang cerah di masa hadapan.

Seperti dijangkakan penyertaan ahli-ahli sukan kita sebagai peserta-peserta tuan rumah dalam Pesta Sukan Merdeka ini akan lebih berupa mencari pengalaman sambil menguji kebolehan bersaing dengan peserta-peserta lain. Begitu juga orang ramai telah sedia beranggapan bahawa mereka tidak menaruh jangkaan-jangkaan yang tinggi bagi pencapaian kemenangan ahli-ahli sukan kita, sebaliknya mereka lebih menaruh harapan supaya ahli-ahli dan pihak-pihak berkenaan sukan kita akan beroleh pengalaman dan seterusnya mempergunakan pengalaman tersebut bagi meningkatkan mutu sukan negara.

Dalam pada itu kita sukacita menarik perhatian umum bahawa dalam mencari serta mempergunakan pengalaman dari luar itu tidak bermakna kita tidak mengambil kira keperluan-keperluan serta norma-norma tempatan. Banyak cara untuk maju dalam apa jua lapangan tetapi tidak semestinya cara-cara itu sahaja yang harus diikuti. Maka itulah pengalaman baharu dan bahkan penglibatan sepanjang Pesta Sukan Merdeka ini seterusnya akan terlebih dahulu diteliti sebelum jadi ikutan.

Dari segi penyelenggaraan, kita telah sedapat daya merancang dan menyediakan berbagai-bagai kemudahan kepada tetamu-tetamu luar negeri. Mereka akan mendapati betapa seluruh tenaga dalam organisasi penyelenggara begitu memberi perhatian kepada kelancaran semua urusan. Tidak syak lagi pengurusan di peringkat pesta sukan seperti ini adalah suatu yang baru bagi kita, yang dalam pengalaman baharu itu tentunya kita akan mendapati kekurangan dan kelemahan. Tetapi kita percaya pada keseluruhannya nanti kita bukan sahaja berjaya bahkan akan melakukan sesuatu yang menakjubkan seperti mana penyelenggaraan dalam sambutan Hari Kebangsaan dahulu di mana tetamu-tetamu dari luar negeri telah mendapat layanan yang sempurna dari tenaga-tenaga tempatan. Perkara yang sama akan menjadi kenangan kepada peserta-peserta luar negeri dalam Pesta Sukan Merdeka ini.

Kita mengalu-alukan kontinjen sukan dari negara-negara sahabat dalam ASEAN lebih daripada cuma dalam semangat sukan. Kita menerima mereka sebagai keluarga serantau dalam semangat muhibah serta persefahaman yang berteraskan norma serta amalan negara kita sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja.

Selamat bersukan!



PELAJAR-pelajar dan pegawai-pegawai Kerajaan Brunei Darussalam bergambar ramai sejurus setelah majlis Menyambut Hari Kebangsaan diadakan.

# Majlis kesyukuran sambut Hari Kebangsaan

UNITED KINGDOM. — Satu majlis Kesyukuran Sempena Menyambut Hari Kebangsaan Pertama Negara Brunei Darussalam telah diadakan di Universiti Kent, Canterbury, iaitu salah sebuah tempat pengajian penuntut-penuntut Brunei di sini pada 9 Mac lepas.

Majlis tersebut dianjurkan oleh ahli-ahli Persatuan Penuntut-penuntut Brunei di United Kingdom yang belajar di universiti tersebut.

Pada masa ini seramai 14 orang penuntut Negara Brunei Darussalam sedang belajar di universiti itu dalam berbagai jurusan, seperti Undang-Undang, Pentadbiran dan Pendidikan.

Majlis pada hari tersebut dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan. Tetamu khas di majlis itu ialah Pegawai Ugama bahagian penuntut-penuntut Brunei di sini Ustaz Johani bin Kamis.

Dalam ucapannya, Ustaz Johani antara lain menasihatkan penuntut-penuntut supaya sentiasa mengambil berat terhadap pelajaran masing-masing di samping menjaga identiti mereka sebagai seorang Islam dan tidak mudah terpengaruh dengan masalah-masalah sosial yang tidak diingini.

Beliau juga memuji penuntut-penuntut atas inisiatif mereka menjayakan majlis yang berkebajikan ini. Dan ini menunjukkan, jelas beliau, adanya semangat perpaduan dan persefahaman di kalangan penuntut-penuntut demi mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara mereka.

Terdahulu dari itu wakil penuntut di universiti tersebut, juga selaku Pengerusi majlis, Awang Abdullah bin Abass dalam ucapannya melahirkan rasa taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Baginda.

Beliau seterusnya berkata, "Meskipun kita tidak dapat bersama-sama menyambut Hari Kebangsaan di negara kita sendiri, tetapi semangat dan azam kita untuk memperingati hari bersejarah itu tetap tersemat di jiwa kita masing-masing di samping bertekad untuk terus menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pelajaran." Di mana tambah beliau, negara sangat-sangat memerlukan para cendikiawan dan intelektual dalam memenuhi kehendak dan keperluan negara kita di zaman yang serba mencabar ini.

Kira-kira 40 orang penuntut termasuk Yang Dipertua Persatuan Penuntut-penuntut Brunei di United Kingdom, Awang Alias bin Haji Azri dan para jemputan telah menghadiri majlis itu.

Di akhir majlis bacaan doa selamat telah disampaikan oleh tetamu khas sendiri. — Laporan Hajjah Fatimah & Salleh.

# 14 PENUNTUT TERIMA SIJIL BTEC

Oleh Zubaidah H.S.

KUALA BELAIT. — Satu majlis penyampaian Sijil BTEC bagi 14 orang penuntut lepasan Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, telah berlangsung di sini pada hari Khamis lepas di dewan sekolah tersebut.

Penyampaian tersebut telah dilakukan oleh tetamu kehormat, Awg Lim Jock Jin, Ketua Pelajaran Teknikal, Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Brunei Darussalam.

Mereka yang menerima sijil-sijil tersebut adalah mereka yang telah berjaya dalam kursus Loji Kejuruteraan (Plant Engineering), dan ianya adalah merupakan pertama kali diadakan di negara ini.

Awang Lim Jock Jin juga telah berkesudian menyampaikan sijil-sijil City and Guilds kepada kira-kira sepuluh orang penuntut sekolah tersebut yang berjaya dalam kursus Kejuruteraan Mesin (Automative Engineering).

Terdahulu dari itu, majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan dari penuntut-penuntut Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah dan seterusnya ucapan alu-aluan dari Ketua Pengawas sekolah itu, Cikgu Mosmin bin Haji Abdul Hamid.

Di dalam ucapan alu-aluannya, beliau mengharapkan penuntut-penuntut yang telah berjaya jangan berpuas hati dengan apa yang telah mereka capai, tetapi jadikanlah ia sebagai batu loncatan, kerana tambahnya, peluang-peluang masih terbuka luas kepada mereka demi memenuhi keperluan Negara Brunei Darussalam terutamanya di bidang teknikal.

Majlis yang diselajurkan dengan Penutupan Penggal Pertama hari itu juga telah mengundang Ketua Kegiatan Rohani, Cikgu Haji Mohd Hashim bin Hamid bagi menyampaikan sedikit ucapan berkenaan dengan unit tersebut.

Di samping itu Ketua Kegiatan Rohani, Jabatan Pelajaran itu juga telah sudi menyampaikan hadiah-hadiah kepada penuntut-penuntut yang memenangi sukan badminton dan ping pong yang diadakan oleh Bahagian Unit Jasmani ECA di sekolah tersebut.

Antara yang hadir di majlis penyamapain sijil pada hari itu ialah Pmk. Pengetua SKJB Awang Azaharani Haji Mohd Jamil, Pegawai-pegawai Pelajaran dari Bahagian Teknikal, Jabatan Pelajaran Brunei, guru-guru dan penuntut-penuntut sekolah itu.

Di akhir majlis doa selamat telah dibacakan oleh Ustaz Ismail bin Sidek. — ZHS & HA.



KETUA Pelajaran Teknikal, Awang Lim Jock Jin ketika menyampaikan Sijil BTEC kepada Awang Mohd Dani bin Abd. Ghani, salah seorang penuntut yang berjaya. — Gambar oleh Ak Abu Bakar PHO.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS... Siri ke-270

# ATEISMA

Siri terakhir



### BAGAIMANA MENGHINDARI DARI KEJAHATAN ORANG ATEIS

Rasulullah menunjukkan jalan-jalan selamat kepada orang-orang mukmin daripada kejahatan dan fitnah orang-orang mulhid itu dalam sejumlah hadis-hadis Baginda:

Diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tabrani dalam Al-Mu'jamul Ausat dari hadis Saidina Umar bin Al-Khattab Radhiallahu 'Anhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud: "Kamu akan ditapis sehingga kamu ada pada zaman sampah-sarap daripada manusia, yang kacau-bilau percakapan mereka dan pergi (hilang) amanah daripada mereka."

Berkata seorang sahabat: "Bagaimana kami ya Rasulullah?" Sabdanya: "Kamu buat apa yang kamu tahu dari perkara ugama, dan kamu tinggalkan perkara-perkara yang diengkarkan dari perkara-perkara ugama kamu, dan kamu kata dan berdoa: "Wahai Tuhan yang Esa, ya Tuhan yang Esa, menangkan kami di atas siapa yang menzalim aniayakan kami dan pada (cakapkan) siapa yang menceroboh dan menganiayakan kami."

Daripada sahabat Abdullah bin 'Amri bin Al-As Radhiallahu 'Anhuma bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang ertinya: "Demi diri Muhammad dalam kuasa-Nya tiada akan bangkit (tidak akan terjadi) hari Kiamat, sehingga nyata perkataan dan perbuatan jahat, dan nyata sengaja membuat perkataan dan perbuatan yang jahat dan jahat berjiran, dan memutuskan silaturahim, dan sehingga orang yang amanah berbuat khianat, dan diamanahkan kepada orang yang jahat khianat (semuanya ini berlaku sekarang dan sedikit sangat amanah sekarang dalam pejabat-pejabat, dalam perniagaan dan muamalah dan hubungan hidup)."

Berkata orang: "Ya Rasulullah bagaimana orang mukmin pada masa itu?" Sabdanya: "Orang-orang mukmin seperti lebah, yang jatuh dan tiada ia rosak, dan ia makan dan tiada pula ia bertambah, dan ia mengeluarkan madu yang baik. Dan umpama orang mumin itu umpamanya sepotong emas tulen, masuk dalam api ditiup api ke atasnya, dan ia tiada pula ia berubah, dan ditimbang dan tiada pula ia kurang."

Diriwayatkan oleh Al-Imam-Imam Al-Bazzar dan Al-Hakim dan al Tashuukan. Diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dalam Al-Musnad dari hadis sahabat Abi Zarrin Al-Ghifari Radhiallahu 'Anhu telah berkata: "Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: Bahawa kamu dalam suatu zaman, ulamanya banyak, dan ahli pidatonya sedikit, barangsiapa meninggalkan satu persepuluh dari apa yang ia tahu, nescaya ia sesat, dan akan datang suatu masa kepada manusia, ulama sedikit, ahli pidatonya banyak (seperti sekarang), barangsiapa berpegang dalam masa itu satu persepuluh dari apa yang ia tahu, nescaya ia selamat (dari api neraka dan sesat)."

Daripada sahabat Abdullah bin 'Amri bin Al-'As bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda, ertinya: "Bagaimana kamu, apabila kamu ada dalam kumpulan "sampah masyarakat" telah kacau-bilau perkara mereka dan amanah-amanah mereka dan bersalah-salahan, maka mereka ada seperti ini (Baginda puncakkan jari-jari Baginda)."

Berkata sahabat Abdullah: "Pada perkara apa tuan hamba perintahkan hamba." Sabdanya: "Kamu lazimkan dan buat apa yang kamu tahu dari perkara ugama, dan kamu tinggalkan apa yang kamu engkarkan (tahu itu mungkar) dan kamu lazim dan jaga diri kamu dan kamu jauhkan diri kamu dari perkara orang awam dan orang ramai."

Dalam suatu riwayat hadis ini yang diriwayatkan oleh Al-Imam-Imam Abu Daud, At-Termidzi dan ia tashihkan hadis ini, dan lafaz ini bagi At-Termidzi dan diriwayatkan oleh Ibnu Majah juga dan lain-lain ulama hadis, maksudnya: "Kamu lazimkan rumah kamu (jangan keluar) dan kamu pegang lisan kamu (tutup mulut), dan kamu ambil apa perkara maaruf yang kamu tahu dari perkara-perkara ugama, dan kamu tinggalkan apa perkara yang mungkar dalam ugama, dan kamu jaga diri kamu dan kamu tinggalkan perkara orang ramai."

Hadis sahabat Thauban berbunyi: Berkata sahabat-sahabat: "Bagaimana kami buat Ya Rasulullah?" Sabdanya: "Kamu bersabarlah, dan kamu berperangailah dengan manusia dengan perangai mereka, dan kamu menyalahi mereka dalam perbuatan-perbuatan mereka (jangan buat macam mereka buat)."

Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam-Imam Sa'ed bin Mansur dan An-Nasaei dalam As-Sunanul Kubra.

Diriwayatkan oleh Al-Imam-Imam Abu Ya'la, At-Tabrani, dan Ibnu 'Asakir daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang ertinya: "Hampir-hampir manusia akan menjadi pokok mempunyai duri, kiranya kamu kata kepada mereka dengan nasihat, maka mereka menolak nasihat kamu dan jika kamu tinggalkan mereka, maka mereka tiada meninggalkan kamu (mereka menyakiti kamu) dan jika kamu lari daripada mereka, maka mereka cari kamu."

Orang bertanya: "Maka bagaimana jalan selamat daripada perkara itu ya Rasulullah?" Sabdanya: "Kamu hutangkan mereka akan nama baik kamu (biarkan mereka menyakiti kamu) supaya kamu ambil semula pada hari papa kamu dengan amal (hari kiamat)."

Yakni orang-orang fasik dan mulhid tiada berhenti-henti dari menyakiti dan menghina dan mengolok-olokkan orang mukmin yang berpegang dengan adab ugama dan Rasulullah Sallallahu Alaihu Wasallam menyuruh bersabar dan suruh ambil balasan di akhirat kelak daripada mereka.

WALLAHUAKLAM

## Mesyuarat persediaan Pertemuan Sasterawan Nusantara

Dari muka 3

Berikutan dengan pertemuan itu, maka satu [mesyuarat] Jawatankuasa [Pe]laksana Resolusi yang [di]bentuk dalam pertemuan [yang tel]ah bersidang di Johor [B]aru pada 21 dan 22 Mei [19]82. Di dalam mesyuarat [te]lah Brunei Darussalam telah dicadangkan supaya pertemuan yang ke-IV diadakan di Brunei Darussalam.

Sesuai dengan cadangan tersebut wakil-wakil dari Malaysia yang menerima mandat dari jawatankuasa telah menyampaikan hasratnya kepada Kerajaan Brunei Darussalam semasa mereka menghadiri Simposium Bahasa yang diadakan pada 29 September 1982.

Mesyuarat pada hari itu antara lain membincangkan konsep dan penyelanggaran Pertemuan Sasterawan Nusantara IV, mengatur susunan aturcara pertemuan dan lain-lain lagi.

Selain dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan Dewan Bahasa dan Pustaka, mesyuarat pada hari itu juga dihadiri oleh wakil-wakil dari Malaysia, Singapura dan Indonesia serta wakil dari Persatuan Asterawani Brunei Darussalam.



GAMBAR menunjukkan ketika mesyuarat Pertemuan Sasterawan Nusantara IV dilangsungkan di Tingkat Bawah Bangunan Pusat Latihan Pertukangan Tangan. Kebawah Pemangku Pengarah DBP, Dayang Fatimah binti Haji Hassan tiga dari kanan memberikan ucapan alu-aluan. Di sebelah kiri beliau ialah Datuk Haji Hassan bin Haji Ahmad, Ketua Pengarah DBP Malaysia — Gambar oleh Pg Haji Yaakub.

## Ahli J/K PIM yang baru

[KU]ALA BELAIT. — Persa[tua]n Ikhwanul Muslimin [Ku]ala Belait dalam mesyuarat [agu]ngnya pada 17 Mac yang [lalu] telah memilih ahli [jaw]atankuasa tadbir yang [baru] bagi tahun 1985/86.

[D]alam mesyuarat tersebut [Awa]ng Abu Hanifah bin [Ora]ng Kaya Paduka Setia [R]aja Abang Haji Bujang [tela]h dipilih sebagai Yang [Dip]ertua sementara Awang [Hаj]i Abu Bakar @ Zainal bin [...]s dipilih sebagai Naib [Yan]g Dipertua.

[S]etiausaha Agung ialah Ha[ji] Abang Morshidi bin Haji [Aw]ang Suhaili, Penolong [Set]iausaha ialah Awang Haji [Ah]mad bin Hitam, Awang [Jum]ani bin Mohd Noor dipilih [seb]agai Bendahari dan [Awa]ng Haji Mohd Isa bin Ibrahim sebagai Penolong Bendahari.

Seramai 10 orang telah dipilih sebagai ahli jawatankuasa. Mereka ialah Pg Badaruddin bin Pg Haji Jeluddin, Awang Suhaime bin Samat, Awang Haji Johari bin Haji Omarali, Awang Adam bin Jafar, Awang Haji Lamat bin Apong, Pg Ali bin Pg Dato Seri Laila Jasa Haji Abas, Awang Haji Hamdan bin Abdullah, Awang Juhan bin Jumat, Awang Mat bin Syed dan Awang Hamidon bin Omar.

Mesyuarat pada hari itu juga telah melantik Pegawai Daerah Belait sebagai Penaung persatuan tersebut manakala Tuan Kadi Daerah Belait pula dilantik sebagai Penasihat Am.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 27 Mac, 1985 hingga ke hari Selasa 2 April, 1985 adalah seperti di bawah ini: —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| 27–31 | 12.30 | 3.47 | 3.48 | 6.33 | 6.34 | 7.44 | 7.45 | 5.05 | 4.50 | 5.06 | 6.20 | 6.21 |
| 1– 2 | 12.29 | 3.43 | 3.44 | 6.32 | 6.33 | 7.44 | 7.45 | 5.02 | 4.48 | 5.03 | 6.17 | 6.18 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

*Tujuan dan hikmatnya sangat penting sebagai tanda orang yang beriman:*

# BACA BISMILLAH SEWAKTU HENDAK MAKAN




**MARILAH sama-sama kita bertakwa ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.**

Ugama Islam mengajar umatnya supaya bertatatertib iaitu dalam apa jua pun pekerjaan. Di antara tatatertib yang dianjurkan oleh Nabi ialah membaca 'Bismillah' sewaktu hendak makan, yakni waktu menyuap makanan ke mulut. Anjuran ini kelihatannya kecil sahaja, tetapi tujuan dan hikmatnya sangat jauh dan penting sebagai tanda dan pengenalan orang yang beriman. Kerana itulah, kepada mereka yang terlupa membacanya, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam mengingatkan supaya mengulang membacanya sebagaimana sabda Baginda yang bermaksud kira-kira:

*"Apabila terlupa seseorang di antara kamu membaca 'Bismillah' dipermulaan makannya, maka hendaklah ia baca ketika ingat."*

Dalam ilmu mantik manusia itu disebut haiwan yang berkata-kata, haiwan yang berakal, dan akalnya itulah yang membezakannya dengan lain-lain haiwan. Ia boleh bertanya dan menjawab: Apa gunanya ini, untuk apa ia dilakukan dan kenapa? Dan lain-lain lagi. Berlainan dengan haiwan hakiki (haiwan yang sebenar), seperti lembu misalnya, bila menghadapi rumput yang hijau terus dimakannya. Bila melihat air, terus diminumnya dengan tidak memperhitungkan lebih dahulu apakah air itu bersih atau kotor. Tetapi manusia yang berakal tentulah tidak demikian keadaannya.

Maka oleh hal yang demikian, untuk membuktikan martabat manusia itu lebih tinggi dari haiwan, berbeza amat jauh, maka di dalam Al-Quran digariskan apa-apa makanan yang boleh kita makan, iaitu segala yang baik-baik dan halal, dan kemudian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pula menunjukkan cara-cara makan itu hendaklah dimulai dengan nama Allah. Menyebut nama Allah pada ketika hendak memulakan makan atau minum, ialah supaya orang yang makan atau minum itu ingat kepada-Nya, tidak lupa bahawa Dia-lah yang mencipta dan mengurniakan segala macam makanan atau minum itu. Orang-orang yang ada ingatan demikian itu tidak pula akan selarah-larahnya, asal makan atau asal minum sahaja, tidak! Tetapi menyesuaikan dengan kehendak-kehendak bertakwa, dia tetap akan makan minum benda-benda yang halal sahaja sebagaimana suruhan Allah Taala yang bermaksud:

*"Makanlah yang baik (yang halal) yang kami berikan kepada kamu, dan janganlah melanggar batas."*

**Ugama Islam mengajar umatnya supaya bertatatertib iaitu dalam apa jua pun pekerjaan. Di antara tatatertib yang dianjurkan oleh Nabi ialah membaca 'Bismillah' sewaktu hendak makan, yakni waktu menyuap makanan ke mulut.**

### JANJI ALLAH

Demikian pula, mempertalikan makan dan minum itu dengan nama Allah, akan membawa orang selalu atau sentiasa bersyukur. Bilamana manusia itu bersyukur, sesungguhnya janji Allah akan menambahkannya lagi dengan nikmat yang berlipat ganda. Dan sebaliknya orang-orang yang kufur yakni tidak bersyukur akan diazab-Nya.

*Bilamana manusia itu bersyukur, sesungguhnya janji Allah akan menambahkannya lagi dengan nikmat yang berlipat ganda. Dan sebaliknya orang-orang yang kufur yakni tidak bersyukur akan diazab-Nya.*

Oleh itu, wahai umat Islam! Marilah kita terus bertakwa dengan mengikut perintah Allah dalam perkara makan minum ini, dengan makan dan minum apa-apa yang dihalalkan sahaja, dengan niat yang ikhlas kerana mencari dan mengharapkan idda Allah jua, di samping kerana takut akan ancaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, bahawa tiap-tiap daging yang tumbuh dari barang atau benda yang haram itu adalah neraka lebih utama atau lebih berhak bagi-Nya.

Inilah di antara lain-lain tuntutan ugama kita yang maha suci, tuntutan yang dikira asasi.

*Menuju keredaan Allah*

# Ugama menyuruh mempertahankan kehormatan

BERPEGANG teguh dan tunduk taat pada peraturan ugama adalah menjadi sebab kebahagiaan diri dan kesentosaan masyarakat, menegakkan pergaulan hidup atas asas perdamaian dan kecintaan. Iaitu pegangan kepada ugama yang tidak dicampuradukkan dengan fahaman-fahaman khurafat dan bidaah manusia, untuk mencapai bahagia di dunia dan di akhirat, untuk kesentosaan peri kemanusiaan.

Fahaman yang mengingkari adanya Tuhan (Allah Rabil 'Alamin) adalah suatu fahaman yang amat merbahaya. Fahaman yang merbahaya ini jika menular di kalangan suatu bangsa, maka tandanya budi pekerti dan kesopanan suatu bangsa itu rosak dan runtuh. Akalnya akan ditumbuhi oleh kejahatan semata-mata. Hati setiap dirinya akan penuh tipu muslihat yang jahat, sehingga akan lemahlah pergantungan umat itu dalam penghidupan dan kehidupan. Syahwat dan nafsu angkara murka itulah kelak yang akan menjadi peduman dalam kehidupan mereka, di antara yang satu dengan lain hilang rasa amanah, hilang rasa percaya dan mempercayai, maka tatkala itu hilanglah nama umat atau bangsa itu dari permukaan wujud, jatuh kepada melarat hina dan diperhambakan.

Di zaman akhir-akhir ini ada golongan yang mengaku pintar, mengatakan mengingkari adanya Allah, yang selama ini menghidupkan pekerti mulia, menegakkan kesopanan dan meninggikan kedudukan suatu bangsa, kerana kepercayaannya yang salah banyak tersiar, terbuktilah kerosakan negara dan bangsa, rakyat tidak lagi dapat diperintah oleh orang yang lebih atas, sebab rakyat dan pemerintah sudah sama-sama kehilangan pegangan.

Manusia-manusia yang tersasar itu merasa tidak cukup dan lengkap sebelum tercapai segala kehendak syahwatnya, untuk itu segala jalan dan ikhtiar akan ditempuhnya maka beranggap hanya yang dikehendaki oleh syahwat itu sahaja yang wajib dan mana-mana yang tidak sesuai dengan kehendak syahwatnya maka itulah yang haram.

Bila kepercayaan kepada Allah sudah tiada, maka syahwatlah yang memerintah. Untuk mencapai kehendak syahwat ada jalan yang lurus dan ada jalan yang bengkok, ada yang baik dan yang mendatangkan malu dan ada yang dikerjakan dengan terus terang. Kalau dibiarkan sahaja tentulah tidak akan dapat persesuaian dalam masyarakat.

Kalau masyarakat dan negara itu hendak diatur dengan baik keamanan dan kesentosaan hendak dijaga, dan jika manusia tidak akan diserupakan dengan binatang hidupnya, maka perlulah ada tempat rukun yang harus diterangkan: –

Pertama: Pertahanan atas diri;

Kedua: Menjaga kehormatan;

Ketiga: Mendirikan suatu pemerintah, dan

Keempat: Mengakui sesuatu kekuasaan ghaib yang melindungi alam yang akan memberi ganjaran baik dan buruk di hari kendila.

Di dalam hal mempertahankan atas diri ini ialah kesanggupan manusia mempertahankan dirinya dari serangan orang lain dan kalau perlu menyerang. Berperang dan diperangi, sanggup menumpahkan darah sendiri atau darah orang lain. Sanggup menghadapi mati demi mempertahankan hak. Dalam hal seperti itu tentulah yang kuat di atas, yang lemah tersungkur ke bawah, yang cerdik menjual, yang bodoh dan bingung terjual, yang bertanduk menikam, yang tumpul kepalanya menyerah. Pertahanan atas diri selamanya akan wujud selama dunia masih berkembang.

Untuk menjaga kehormatan diri dan bangsa, ugama dan watan, rasa pertahanan atau penjagaan "syaraf" perlu ada dalam pergaulan hidup, rasa malu atas kejatuhan nama keluarga dan kaum kerana perbuatan sendiri, jangan sampai menjadi buah mulut orang.

Manakala lawan sifat itu ialah rendah diri, tidak peduli atas fitnah orang dan kata-kata orang, buat tak tahu tebalkan telinga kurang malu. Menjaga kehormatan nama dan kaum amatlah penting dalam pergaulan bersosial hidup.

Ramai orang kononnya menegakkan kehormatan diri di atas tengkorak orang lain, menyiramnya dengan darah supaya subur, tidak enggan menerima wang rasuah dengan senyum dan korapsi. Pada lahirnya kelihatan terhormat lantaran kayanya, hartanya, pakaiannya, gajinya, darah keturunannya, padahal itulah dia penjahat. Berapa banyak orang berbudi tidak cukup makan, orang penganiaya naik, beberapa banyaknya orang berhias dadanya dengan bintang-bintang kadang-kadang bintang-bintang itu dikejarnya dengan menjual saudaranya.

Demikian setengahnya gambar pembelaan kehormatan yang nampak oleh mata, yang terdengar oleh telinga, yang disaksikan oleh pengalaman hidup. Maka kesemuanya itu bukanlah menengakkan ketaatan dan bukanlah pada aturan berugama – jauhlah ia dari mencapai keredaan Ilahi.

# Pegawai Pencen ikuti kursus di K.L

BANDAR SERI BEGAWAN. – Tiga orang Pegawai Pencen kini berada di Kuala Lumpur untuk mengikuti' kursus penempatan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Am Malaysia selama sebulan.

Mereka ialah Awang Haji Ahmad bin Haji Abd Ghani, Pegawai Pencen Kanan, Ak Abu Bakar bin PRW Pg Haji Metussin dan Awang Abd Rahim bin Saman, kedua-duanya Pegawai Pencen.

Di samping mengikuti kursus tersebut, mereka juga akan mengadakan lawatan sambil memerhati kerja-kerja yang diselenggarakan oleh Pejabat Pencen di beberapa buah negeri.

# PEMBUKAAN PESTA SUKAN MERDEKA DIADAKAN WARNA-WARNI

BERAKAS. — Pesta Sukan Merdeka telah dibuka rasmi pada hari Ahad 24 Mac lalu dalam satu upacara berwarna-warni di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan perasmian Pesta Sukan selama seminggu itu yang disertai oleh ahli-ahli sukan keenam buah negara ASEAN itu.

Berangkat sama ke istiadat perasmian itu ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan Negara Brunei Darussalam.

Juga berangkat ke upacara itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, kerabat-kerabat Diraja dan para pembesar negara.

Penyalaan obor oleh pelari veteran, Awang Haji Yaakub bin Muhamad diikuti serentak dengan pertunjukan kad tayang 'Selamat Datang Ke Pesta Sukan Merdeka' menandakan bermulanya pesta yang julung-julung kalinya diadakan di negara ini.

Terdahulu sebelum upacara perasmian Pesta Sukan dilancarkan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melafazkan titah perasmian di hadapan ribuan peserta dan penonton.

Ini diikuti dengan bacaan ikrar sukan oleh Awang Norsah Haji Abdullah dan ikrar hakim oleh Awang Haji Adnan Datu Panglima Haji Abu Bakar disusuli dengan persembahan silat oleh 200 orang penuntut Sekolah Menengah Sultan Muhamad Jamalul Alam dan acara pembentukan pelbagai corak pesta sukan dari penuntut-penuntut sekolah.

Corak pertama pembentukan obor yang melambangkan pengertian pesta ini dimulakan dengan membawa harapan agar semangat perpaduan dan persefahaman dapat dijalin melalui sukan.

Seterusnya corak kedua membentuk lima bulatan yang membawa erti ketibaan lima negara peserta (Malaysia, Thailand, Singapura, Indonesia dan Filipina) yang dilambangkan oleh lima warna.

Corak ketiga dibentuk dengan pergerakan senaman yang diringi dengan tarian payung melambangkan persahabatan muhibah di antara negara ini dengan negara-negara ASEAN yang lain berlandaskan persefahaman, persamaan dan saling hormat menghormati antara satu dengan lain boleh diwujudkan melalui sukan. Corak ini juga diserikan dengan iringan bendera-bendera negara-negara peserta.

Seterusnya para penuntut berkenaan membentuk bulatan dan huruf-huruf 'Selamat Datang' dan 'Welcome' yang mengalu-alukan kedatangan para peserta ke negara ini.

Corak terakhir ialah enam bulatan yang membawa pengertian dukungan tema pesta sukan mengajak para peserta memiliki semangat perpaduan, persefahaman dan kecergasan untuk kesejahteraan serantau. Bentuk ini dilengkapi dengan perkataan 'Pesta Sukan Merdeka 1985'

Acara perasmian diakhiri dengan pertunjukan terjun payung dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang membawa bendera-bendera negara-negara ASEAN.

PESTA SUKAN MERDEKA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
1985

Laporan: Manap Rahman, Jaafar Haji Ibrahim, Aisah Piee, Ahat Ismail, Abd Karim Zubaidah HS, Hanizah Abdullah.

Gambar: Haji Sharbini, Ak Abu Bakar, Harun Rashid, Ramli Tengah, Rabae Sabli





AWANG Haji Yaakub menyalakan obor (kanan) dan serentak dengan itu kad tayang 'Selamat Datang Ke Pesta Sukan Merdeka' ditayangkan (bawah), sementara gambar atas kelihatan bendera negara-negara yang mengambil bahagian diarak dalam upacara perbarisan di Pembukaan Rasmi pada hari Ahad lepas.

# Lebih 1,000 ahli sukan mengambil bahagian

BERAKAS. — Kira-kira 1,183 orang ahli sukan termasuk pegawai dari keenam-enam buah negara ASEAN yang menyertai Pesta Sukan Merdeka telah berkumpul dalam satu upacara pembukaan rasmi di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, pada hari Ahad lepas.

Kontingen Republik Indonesia mendahului senarai perbarisan kehormatan dari negara-negara yang menyertai dengan menampilkan 218 peserta dan pegawai diketuai oleh Bapak Subagio. Kemudian diikuti oleh Pasukan Malaysia yang mengekemukakan 205 peserta dan pegawai diketuai oleh Encik Noh Abdullah dan seterusnya Republik Filipina yang menyertai sejumlah 161 peserta dan pegawai dengan diketuai oleh Kolonel Irwin Ver.

Thailand menghantar 171 peserta dan pegawai diketuai oleh General Tem Homesttee manakala Republik Singapura pula mengemukakan 186 peserta dan pegawai yang diketuai oleh Encik Lau Teng Chuan. Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah mengemukakan 242 peserta dan pegawai, diketuai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Moktar Puteh bin Pengiran Haji Rajid.

Sebanyak 11 acara sukan dipertandingkan sepanjang temasya Sukan Merdeka ini dan ianya dilangsungkan selama seminggu.

Dalam 11 acara itu, Negara Brunei Darussalam menaruh harapan untuk meraih pingat-pingat dalam acara lumba perahu dan tinju dan bola sepak. Malaysia dengan mudah akan memperolehi pingat emas acara hoki, sementara dalam acara sepak takraw pula ianya pasti dicabar oleh Thailand, Singapura dan negara tuan rumah.

Bola sepak satu-satunya sukan yang paling digemari di rantau ini setentunya menarik ramai penonton yang mana pasukan-pasukan dari Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand dan Brunei pasti berhempas pula bagi merebut tempat ke peringkat akhir. Dalam acara ini kesemua pasukan sudah biasa dengan rentak dan corak permainan masing-masing.

Indonesia berhasrat mengutip pingat di acara badminton meskipun negara itu tidak menyenaraikan jaguh-jaguh badmintonnya tetapi kemunculan pemain-pemain muda yang menyertai ini sudah cukup meyakinkan.

Bola keranjang, bola tampar, pula menjadi idaman Filipina untuk mengutip pingat. Ketiga-tiga acara itu merupakan jenis sukan yang popular di sana dan tidak hairanlah dalam kejohanan antarabangsa mereka sering monopolinya.

Acara-acara olahraga akan menghadapi saingan sengit di mana Singapura, Thailand, Malaysia, Indonesia dan Filipina masing-masing mempunyai pengalaman luas serta berkemampuan menjuarainya.



# FILIPINA DAHULUI PUNGUTAN PINGAT

*Keseluruhan keputusan yang disiarkan adalah diperolehi di hari pertama dan kedua Pesta Sukan Merdeka*

BERAKAS — Negara Filipina mendahului negara-negara peserta dalam jumlah pungutan pingat di hari pertama bermula Pesta Sukan Merdeka pada hari Isnin lepas dengan memungut 7 pingat emas dan satu pingat perak.

Diikuti oleh Malaysia dengan dua pingat emas, empat pingat perak dan dua pingat gangsa.

Manakala Thailand pula memungut satu pingat emas dan dua pingat gangsa.

Sementara Indonesia memungut lima gangsa dan tiga perak. Singapura setakat ini memungut tiga pingat gangsa.

Negara tuan rumah masih belum memperolehi sebarang pingat.

Berikut adalah sebahagian dari keputusan dalam bahagian olahraga yang dipertandingkan di hari pertama:

Dalam acara buang peluru, peserta Thailand Bancha Supanroj memperolehi pingat emas dengan jarak lontaran 14.75 m, pingat perak dipungut oleh Herman Dambujai dari Indonesia dengan jarak lontaran 14.42m dan pingat gangsa pula dipungut oleh peserta Thailand, Surichai Bhughasaen dengan lontaran sejauh 13.17m.

Dalam acara lompat kijang pula, Ahmad Mazlan dari Malaysia berjaya memperolehi pingat emas dengan jarak lompatan 15.14m, pingat perak dimenangi oleh peserta Indonesia, Hoo Yong Tjong dengan lompatan 14.91m dan pingat gangsa juga dimenangi oleh peserta Indonesia, Moch Mochtar dengan lompatan sejauh 14.68m.

Dalam acara lompat bergalah, pingat emas dimenangi oleh Dario De Rosas dari Filipina dengan lompatan setinggi 4.33m. Pingat perak dimenangi oleh peserta Malaysia, Gan Chee Keong dengan lompatan setinggi 4.15m. Pingat gangsa pula dimenangi oleh Mok Hay Foo dari Singapura dengan lompatan setinggi 3.70m.

Dalam acara 110m lompat pagar, peserta Malaysia, Thalatha Mahadi, memperolehi pingat emas dengan masa 14.53 saat. Pingat perak dimenangi oleh Hero Prayogo dari Indonesia dengan kepantasan 14.00 saat. Pingat gangsa pula dimenangi oleh Joseph Miagan, juga dari Indonesia dengan kepantasan 15.13 saat.

Dalam acara 800 meter lelaki, pingat emas berjaya dipungut oleh peserta Filipina, Romeo Gido dengan kepantasan 51.2 saat. Pingat perak dimenangi oleh peserta Malaysia, Raj Kumar Bathumalai dengan kepantasan 51.4 saat. Pingat gangsa juga dimenangi oleh peserta Malaysia, Haridas Ramasamy dengan kepantasan 52.5 saat.

Dalam acara 10,000 meter, peserta Filipina, Mario Castro berjaya memperolehi pingat emas dengan masa 17 minit 8 saat. Pingat perak diperolehi oleh peserta Indonesia, Suharyanto dengan masa 22 minit 5 saat. Pingat gangsa pula dimenangi oleh Sidamparam Periasamy dari Malaysia dengan kepantasan 49 minit 8 saat.



**PEMENANG pingat emas Nenita Nugca dari Filipina ketika menghabiskan perlumbaan dalam acara 800 meter wanita dengan mencatat masa 2:13.2 saat.**

**PESTA SUKAN MERDEKA 1985 — KEDUDUKAN PINGAT-PINGAT HARI KEDUA**

| NEGARA | EMAS | PERAK | GANGSA | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| FILIPINA | 7 | 1 | — | 8 |
| MALAYSIA | 2 | 4 | 2 | 8 |
| THAILAND | 1 | — | 2 | 3 |
| INDONESIA | — | 5 | 4 | 9 |
| SINGAPURA | — | — | 3 | 3 |
| BRUNEI DARUSSALAM | — | — | — | — |

## Regu handalan Thai tewas

BERAKAS. — Gandingan regu pertama Brunei Darussalam dalam acara sepak takraw sungguh pun menakjubkan para peminat sukan itu yang mana melalui regu pertama tersebut negara tuan rumah memenangi satu perlawanan, manakala dua lainnya tertewas.

Haji Mohin Jaafar, Said Bakar, dan Rahim Omar yang diturunkan sebagai regu pertama mengambil masa lebih dari satu jam dalam tiga set perlawanan untuk menumpaskan regu pertama Thailand, yang dianggap terkuat di Asia.

Thailand memenangi set pertama dengan 15 — 13. Kemudian di set kedua Brunei Darussalam memenangi set itu dengan 15 — 9. Dalam set ketiga pula iaitu set penentu, kedua pasukan berentap hebat bagi memungut mata demi mata yang berkesudahan kemenangan kepada Brunei Darussalam 15 — 13.

Tewasnya ragu pertama Thailand itu tidak mendatangkan kesan pada mereka, sebaliknya Thailand terus menyapu bersih perlawanan-perlawanan kedua dan ketiga dengan menundukkan pasukan tuan rumah 2 — 1 iaitu regu kedua Thailand memenangi 15 — 9, 15 — 6, sementara regu ketiganya menang dengan kiraan 15 — 9, 15 — 4.

Selepas menewaskan negara tuan rumah, Thailand terus mengekalkan kegagahannya dengan meraih kemenangan kedua ke atas Filipina yang baru saja menceburi lapangan sepak takraw.

Filipina tergolong dalam kumpulan yang sama dengan Brunei Darussalam tewas dengan mudah 3 — 0 tanpa memberi tentangan kepada Thailand.

Malaysia sebuah lagi pasukan 'gergasi sepak takraw' di rantau Asia ini tidak menghadapi sebarang tekanan apabila mereka menemui Republik Indonesia. Dalam pertemuan ini Malayisa menyapu bersih ketiga-tiga regu 3 — 0.

Singapura seperti juga halnya Malaysia tidak menghadapi sebarang kesukaran apabila mereka menemui Republik Indonesia. Dengan pengalaman yang luas mereka begitu mudah menundukkan Indonesia 3 — 0 dengan kekalahan itu harapan Indonesia untuk memasuki peringkat separuh akhir musnah sama sekali.





**SAID Bakar salah seorang regu utama Brunei Darussalam menghalang sepakan pemain Thailand yang berkesudahan regu pertama Brunei berjaya menewaskan regu pertama Thailand.**

## Brunei tewas di tangan Filipina

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasukan Ping Pong Negara Brunei Darussalam, ditewaskan dalam lima pusingan tanpa balas oleh pasukan dari Negara Filipina di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Jalan Tutong pada 25 Mac lepas.

Ketiga pemain dari negara ini mengalami kekalahan mereka di acara ping pong lelaki berpasukan di kelima pusingan perlawanan.

Dalam pusingan pertama Mumin Haji Amin dari Brunei Darussalam ditewaskan oleh Eustaquia Santelioes dengan kiraan 16 — 21 dan 6 — 21.

Di pusingan kedua Haji Hamdi menerima nasib yang sama dengan mudah ditewaskan oleh Oscar Santelices 10 — 21 dan 13 — 21. Sementara Haji Mohd Isa tidak dapat menundukkan lawannya Herson Go, namun demikian beliau dapat menunjukkan prestasi yang baik dan mempunyai azam yang kuat apabila dapat menyamakan kedudukan mata di saat-saat akhir perlawanan. Haji Mohd Isa di tewaskan dengan kiraan 17 — 21 dan 15 — 21.

Di pusingan keempat pasukan Negara Brunei Darussalam sekali lagi mengalami nasib yang kurang baik apabila menerima kekalahan yang sama di tangan pasukan Filipina.

Dalam pertemuan Haji Hamdi dengan Eustaquia Santelioes di pusingan kelima, Haji Hamdi hanya mampu memungut 9 — 21 dan 17 — 21. Sementara Mumin Haji Amin beberapa kali cuba bertahan namun beliau kecundang buat kali keduanya di tangan Herson Go dengan kiraan mata 8 — 21 dan 17 — 21.

## Negeri Thai tewas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertemuan Malaysia dengan Thailand dan Filipina dengan Indonesia pada malam Selasa lepas di Dewan Sekolah Menengah Chuang Hwa merupakan perlawanan bola keranjang di Pesta Sukan Merdeka ini.

Perlawanan pertama antara Malaysia dengan Thailand telah dimenangi oleh Malaysia dengan jaringan 92 berbelas 77.

Di separuh masa pertama Malaysia mendahului dengan jaringan 43 — 30.

Dalam perlawanan kedua antara Filipina dengan Indonesia, Filipina tewas dengan jaringan 114 berbalas 65.

Di separuh masa pertama Filipina mendahului Indonesia dengan jaringan 54 — 31.

## Wahab Moksin tunjukkan kejaguhan

PEMAIN badminton harapan negara Awang Wahab Moksin telah menunjukkan kejaguhannya setelah menewaskan pemain Filipina dengan straight set 18 — 16 15 — 10, dalam perlawanan badminton berpasukan yang diadakan di hari kedua Pesta Sukan Merdeka dilangsungkan.

Walau bagaimanapun pasukan negara kita tewas 1 — 3 di tangan pasukan Filipina apabila kedua pemain perseorangan dan bergu negara ditewaskan.

Sabtu Besar pemain perseorangan kedua tewas di tangan Alonzo Jessie 7 — 15, 15 — 9, 2 — 15. Walaupun tewas pemain kita ini telah dapat memberikan tentangan yang hebat sehingga memaksa permainan dijalankan dalam rubber set.

Pemain perseorangan negara Awang Tamit bin Paman tewas kepada pemain Filipina Banguiles Salvador 15 — 8, 15 — 5.

Sementara pasangan Wahab Moksin dan Hamdan Abu Bakar ditewaskan oleh pasangan Filipina Chan Errol dan So Daniel dengan kedudukan mata 15 — 9, 15 — 4.

# Tujuan membaca Al-Quran:—

# MERENTANGKAN PENGAJARAN DAN MENYAMPAIKAN PELAJARAN

Oleh Aisah Piee

Gambar-gambar oleh Rabae Sabli dan Ak. Bahar PHO

PENGARAH Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin berkata, terdapat dua makna mengenai pembacaan Al-Quran.

Pertama ialah pembacaan dalam makna 'tilawah' iaitu bacaan untuk merentangkan pengajaran dan menyampaikan pelajaran Al-Quran dan membaca untuk mempelajari serta memerhatikan isinya supaya menjadi peduman dalam segenap lapangan, sementara yang kedua ialah dalam makna 'qira'ah iaitu pembacaan biasa.

**TUJUAN**

Meskipun kedua-dua pembacaan itu sama berpahala, katanya adalah penting untuk kita selalu mengambil kira bahawa tujuan pembacaan yang sempurna itu adalah termasuk bagi merentangkan pengajaran yang terkandung dalam Al-Quran dan membaca untuk merenung serta memerhatikan isinya bagi mendapat pimpinan dan hidayat Allah Subhanahu Wataala.

Ini sesuai dengan tema Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Kebangsaan tahun ini, yang telah masuk ke tahun 25 diadakan oleh Kerajaan. Tema pertandingan tahun ini ialah "Al-Quran Asas Pendidikan Yang Sempurna."

**PENGAJARAN**

Beberapa surah yang dibaca oleh 31 orang qari dan qariah di Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan baru-baru ini membentangkan beberapa pengajaran mengenai hukum halalharam, mematuhi hukum Allah, melaksanakan hukum Allah, mengenai perhubungan dengan orang yang berlainan ugama, mengenai kebinasaan sesuatu umat dan erti kemenangan bagi umat Islam.

Pertandingan tersebut pertama kali diadakan di Daerah Belait bertempat di Padang Kelab Ria di sini. Ianya diadakan selama dua malam berturut-turut dan dirasmikan oleh Pengarah Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin.

**TERPILIH**

Lapan orang qari dan qariah telah terpilih ke Pertandingan Akhir Kebangsaan yang akan diadakan pada 22 dan 23 April depan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien di ibu negara.

Hadiah kepada pemenang-pemenang pemilihan ke peringkat akhir telah disampaikan oleh Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Pertandingan dua malam itu bermula dengan persembahan nasyid dari Pasukan Nasyid Lelaki Jabatan Hal Ehwal Ugama Daerah Belait dan Pasukan Nasyid Perempuan BENARA Cawangan Belait. Ini diikuti dengan ucapan alu-aluan Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin.



PENGARAH Penerangan, YDM Pehin Udana Khatib Ustaz Haji Awang Badaruddin (nombor 2 kanan) sejurus selepas merasmikan pertandingan, sementara kanan sekali ialah Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin OKSP Tudin. Juga hadir ialah Kadi Besar Brunei, YDM Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd Hamid bin Bakal, (nombor 3 dari kanan barisan depan), manakala di sebelahnya ialah Penolong Pegawai Daerah Belait, Pg Alihassan bin Pengiran DSLJ Haji Abas.



JUGA terpilih ke Peringkat Akhir Kebangsaan ialah Dayang Hajjah Masni bte Haji Abdi Manaf, peserta dari Daerah Tutong. Beginilah bentuk astaka bagi Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan yang berlangsung baru-baru ini (gambar bawah).



AWANG Haji Damit bin Haji Kawang, salah seorang qari yang berjaya memasuki Peringkat Akhir Kebangsaan bulan depan, menerima hadiah yang disampaikan oleh YDM Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei.



ANTARA para hadirin yang menyaksikan pertandingan peringkat Separuh Akhir Kebangsaan baru-baru ini.







# SISTEM PENGUMPUL DATA DIPASANG

JABATAN Pusat Kejuruteraan dan SES serta Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan baru-baru ini telah selesai menjalankan projek petunjuk menggunakan alat merangka secara auto matik bagi mengutip perangkaan yang diperlukan.

Hal ini dijalankan memandangkan terdapatnya sebanyak 40 buah alat pemampat gas di luar pantai di mana kutipan perangkaan pekerjaan merupakan suatu yang mengambil masa yang agak panjang.

Pengumpulan data tersebut mengandungi sebuah kawasan perkakas tambahan yang dilengkapkan dengan mikro-komputer Hewlett Packard dan sebuah multiplekser buatan tempatan yang mempunyai kemudahan daya menyimpan 'kenang kembali' yang meluas dan boleh meneliti turbin dan alat pemampat yang menggerakkan parameter seperti hawa minyak pelicin, peringkat gegaran, hawa enjin ekzos serta kelajuannya.

Data-data kesemuanya diletakkan di sebuah diskette yang berukuran lapan inci. Adalah difahamkan bahawa setiap diskette itu boleh mengutip sekurang-kurangnya seminggu data. Pada setiap penghujung minggu diskette itu digantikan dan dihantar ke SES/13 untuk dianalisa oleh mikrokomputer yang sama di darat.

Sistem menganalisa di daratan pula berupaya menilai perihal pekerjaan pada gas turbin dan alat penempatan. Ianya menunjukkan hala secara grafikal dan membantu jurutera-jurutera perkakas berputar di SES/13 dalam menganalisa pekerjaan dan meramal pemberhentian perbekalan yang dirancang bagi pemeliharaan mencegah kerosakan.

Selain daripada itu ianya juga merupakan satu bantuan kepada masalah ledakan di alat pemampat di mana data penuh yang diperolehi setiap jarak satu saat dipelihara selama 20 saat dan disimpan di dalam diskette di setiap gerakan pemampat. Sistem ini dijadikan alat yang berguna dalam menjalankan mana-mana pemeriksaan selepas pemberhentian perbekalan.

Data penunjuk tersebut dibeli dari Peekel Instruments dan telah pun menjalani percubaan kilang awal tahun 1984. Alat tersebut baru-baru ini telah dipasang di AMCP 6 di mana ianya beroperasi pada menjalankan pemerhatian pemampat Salor Centaur HP 65.

Keuntungan-keuntungan dan perlaksanaan kerja data tersebut akan dinilai dalam tahun 1985 ini bagi menentukan sama ada unit-unit tambahan perlu dipasang kepada alat-alat pemampat yang lain.



GAMBAR atas kelihatan seorang kakitangan BSP mengendalikan alat pengumpul data.

# Kerja pembinaan loji berjalan lancar

KERJA-kerja bagi sebuah tapak loji memampat gas di daratan Seria kini telah dimulakan. Seorang pemborong tempatan, Awang Zainal HM Daud telah diamanahkan untuk melaksanakan kerja-kerja itu, di mana sejauh ini sebanyak 90,000 meter padu pasir telah ditembuk di belakang loji memproses yang ada sekarang.

Pasir itu sebahagian besarnya diperlukan untuk meninggikan tanah bagi menghalang kejadian air bah di kawasan binaan. Kerja-kerja ini akan menghasilkan setimbunan pasir yang setinggi lapan meter di seluruh tapak dan 'kerja memuat' sepertimana ianya dinamakan mestilah diletakkan selama kira-kira enam bulan.

Tender-tender telah dikeluarkan untuk alat utama dan kerja mereka khusus bagi bahagian lain loji tersebut kini sedang berjalan lancar oleh Jabatan Pusat Mereka (EDE).

Pembinaan loji baru ini ialah bagi menggantikan sebanyak 16 buah alat pemampat Thomassen lama yang terdapat di loji memproses minyak dan gas.

Loji yang baru ini disifatkan sebagai tiga buah alat pemampat timbal-balas yang digerakkan menggunakan motor elektrik dengan tenaga yang datangnya dari loji tenaga Kerajaan yang pada masa ini dalam pembinaan bersama pengurusan projek BSP di Lumut.

Alat baru itu hanya merupakan sebahagian dari separuh loji sepenuhnya, alat-alat tambahan, perihal membangunkan penempatan-penempatan alat pemampat, bilik-bilik kawalan serta 'switchgear' dan yang lainnya diletakkan di loji am. Dua buah alat pemampat solar yang ada sekarang juga akan disimpan dan disalurkan ke loji baru itu.

Projak Kejuruteraan Darat, jabatan yang bertanggungjawab mengendalikan keseluruhan projek ini menasihatkan bahawa setelah loji ini siap, penyerahannya akan dibuat pada pertengahan tahun 1987.



AWANG Nordin bin Haji Mohammad Isa (kanan) bersama-sama dengan pemborong beliau ketika meneliti plan rumah. Di belakang ialah rumah beliau yang sedang dalam pembinaan.

# Skim Memiliki Rumah dapat sambutan menggalakkan

SKIM Memiliki Rumah Sendiri (HOS) yang dikendalikan oleh Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

Kira-kira 40 orang peserta telah mendapat kelulusan untuk memiliki rumah sendiri di bawah skim tersebut. 18 orang darinya telah tinggal dengan selesa di rumah mereka sendiri atau masih dalam pembinaan.

Skim seumpama itu dilancarkan adalah bertujuan untuk membantu para pekerja untuk mempunyai rumah sendiri semasa masih bekerja dengan BSP. Di samping itu ianya juga berhasrat bagi meringankan masalah permintaan rumah-rumah syarikat.

Perlaksanaan skim ini dijalankan dengan tiga cara:

1. Seseorang pekerja boleh memohon pinjaman untuk membeli sekeping tanah dan membangun rumah sekali.

2. Membangun rumah di atas tanah yang sudah dimiliki.

3. Membeli rumah yang sudah sedia ada dan tanahnya sekali.

HOS ini hanya terbuka kepada para pekerja rakyat Brunei Darussalam sama ada sudah berkahwin atau bujang dan telah berkhidmat selama tiga tahun. Para pekerja yang masih mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun lagi untuk bersara juga layak memohon.

SMSB di masa kini telah menerima 60 permohonan bagi menyertai skim sedemikian. Di samping itu SMSB juga menerima beratus-ratus panggilan dan pertanyaan-pertanyaan persendirian.

# Ahli BISTARI lawat BSP

SEROMBONGAN 15 orang ahli Persatuan Isteri-Isteri Pegawai Kerajaan (BISTARI) telah membuat lawatan sehari ke Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad di Seria pada hari Jumaat 8 Mac yang lalu.

Yang Dipertua persatuan itu, Datin Edah binti Haji Mohd Noor, isteri Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd Rahman, Menteri Pembangunan telah mengetuai pelawat-pelawat tersebut.

Semasa berada di sana mereka telah dibawa melawat bagi memerhati secara dekat dan meninjau tentang kegiatan kanak-kanak bertempat di Taman Asuhan Kanak-Kanak Panaga. Di samping itu rombongan juga melawat ke Hospital Panaga, Seria.



SERAMAI 20 orang pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bahagian Perubatan telah mengadakan satu lawatan singkat ke Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad pada minggu lalu.

Ketibaan mereka telah dialu-alukan oleh Ketua Pegawai Perubatan, Mike Gann yang juga telah memberikan penerangan ringkas mengenai latar belakang dan gerakan perubatan BSP.

Di samping itu rombongan juga dibawa melawat ke beberapa bahagian di Hospital Panaga.

KETUA Pegawai Perubatan, Mike Gann ketika memberikan penerangan kepada sebahagian daripada pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU
## 27 MAC

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 DORIS
4.40 WILD KINGDOM : "Land Coati"
5.10 IT'S YOUR MOVE
5.40 SUPERFRIENDS
6.00 BERITA AWAL
6.08 SUPERFRIENDS — sambungan
6.15 TEKA TEPAT
6.34 AZAN MAGHRIB
6.44 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 REMINGTON STEELE : "Scene Steelers"
Apabila seekor burung kakak tua mati dalam satu penerbitan food commercial, Remington dan Laura bertindak untuk menyiasat siapakah yang melakukan sabotaj itu.
7.45 AZAN ISYAK
7.49 REMINGTON STEELE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LAPORAN PESTA SUKAN MERDEKA
9.35 NEWHART : "Grandma, What A Big Mouth You Have"
Satu perjanjian untuk makan malam hampir terbengkali dengan ketibaan mengejut seorang nenek yang terpaksa dibawa sama.
10.05 PERLAWANAN BOLA SEPAK PESTA SUKAN MERDEKA
11.50 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS
## 28 MAC

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FAT ALBERT AND COSBY KIDS



DANIEL Pilon (kiri) sebagai Massarati dan Peter Billingsley ialah anak saudaranya sebagai Brain dalam drama MASSARATI AND THE BRAIN, Bahagian Pertama, esok kira-kira jam 9.50 malam.

5.00 ROAD TO WEMBLEY : "Everton lwn Telford"
6.00 BERITA AWAL
6.05 CAMP WILDERNESS : "Falcon"
6.25 CHOCKY'S CHILDREN
6.34 AZAN MAGHRIB
6.44 CHOCKY'S CHILDREN — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE A TEAM
7.45 AZAN ISYAK
7.49 THE A TEAM — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LAPORAN PESTA SUKAN MERDEKA
9.35 HIDAYAT
10.05 DRAMA : "Massarati And The Brain" Bhg I
10.55 PERLAWANAN BOLA SEPAK PESTA SUKAN MERDEKA
12.40 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT
## 29 MAC

**PAGI**

9.00 PEMBUKAAN
9.02 AL-QURAN & MARI KITA BERDOA
9.12 SUSUNAN RANCANGAN
9.15 PERLAWANAN BOLA SEPAK PESTA SUKAN MERDEKA
11.00 DOCUMENTARY SPECIAL : "Face Of The Deep"
11.50 FILLER

**TENGAH HARI**

12.15 CERAMAH UGAMA
12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN.

**PETANG**

1.25 THE YEARLING : "To Tell The Truth"
1.40 THE LIVING PLANET : "The New Worlds"
Manusia ialah mahluk yang mempunyai beberapa kelebihan cara kehidupan di bumi ini. Dialah yang mengubah permukaannya dengan merosak dan mengusainya. Rancangan ini mempaparkan penyesuaian yang dilakukan kepada kehidupan manusia, binatang dan alam di sekeliling.
2.30 HE-MAN AND THE MASTER OF THE UNIVERSE
3.00 KONONNYA : "Amir Anak Gembala"
3.25 WEBSTER
3.48 AZAN ASAR
3.52 CANDID CAMERA
4.25 PHYSICS IN ACTION
4.55 PUPPY'S FURTHER ADVENTURE
5.15 PROFILES OF NATURE : "Bighorn Sheep"
5.45 TOWARDS 2000
6.00 BERITA AWAL
6.08 TOWARDS 2000 — sambungan
6.15 TEKA TEPAT
6.34 AZAN MAGHRIB
6.44 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 V SERIES : "Liberation Day"
7.45 AZAN ISYAK
7.49 V SERIES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
8.45 LAPORAN PESTA SUKAN MERDEKA
9.45 DALLAS : "Shadow Of A Doubt"
Pam membongkar dalam ke atas misteri kehilangan Mark; J. R. memutar belit Cliff lagi. Lucy bertelingkah mengenai seorang kanak-kanak manakala Bobby dan Jenna menunda perkahwinan mereka.
10.35 PERLAWANAN BOLA SEPAK PESTA SUKAN MERDEKA
12.20 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU
## 30 MAC

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 DUNGEONS AND DRAGONS : "Search Of The Dungeons"
6.00 BERITA AWAL
6.05 RAINBOW (Siri baru) "Post"
Rancangan khas untuk adik-adik di bawah lima tahun ini kembali untuk menghibur dan mengajar mereka yang di rumah.
6.25 I DREAM OF JEANNIE : "The Solid Gold Jeannie"
6.34 AZAN MAGHRIB
6.44 I DREAM OF JEANNIE — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 KNIGHT RIDER : "The Chameleon"
7.45 AZAN ISYAK
7.49 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LAPORAN PESTA SUKAN MERDEKA
9.35 TAYANGAN GAMBAR MELAYU : "Bintang Pujaan"
11.05 PERLAWANAN BOLA SEPAK PESTA SUKAN MERDEKA
1.05 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD
## 31 MAC

**PAGI**

9.00 PEMBUKAAN
9.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
9.12 SUSUNAN RANCANGAN
9.15 PERLAWANAN BOLA SEPAK PESTA SUKAN MERDEKA
11.15 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT

**TENGAH HARI**

12.00 BILL COSBY SHOW
12.30 AZAN ZUHUR
12.34 TAYANGAN GAMBAR : "The Death Of Ocean View Park"
Satu kejadian angin taufan yang tidak diduga telah menukar satu suasana percutian gembira di tepi pantai kepada keadaan panik. Pelakon-pelakon : Mike Connors, Martin Landau, Diane Canova, James Stephens, dan lain-lain.
2.30 PERLAWANAN AKHIR BOLA SEPAK PESTA SUKAN MERDEKA DAN UPACARA PENUTUP PESTA SUKAN MERDEKA.
3.48 AZAN ASAR
6.00 BERITA AWAL
6.08 FOUL-UPS, BLEEPS AND BLUNDERS
6.34 AZAN MAGHRIB
6.44 FOUL-UPS, BLEEPS AND BLUNDERS — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 COVER UP
7.45 AZAN ISYAK
7.49 COVER UP — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ACARA KEMUNCAK PENUTUPAN PESTA SUKAN MERDEKA
9.35 SPICE OF LIFE : "Spices of India"
10.00 THAT'S MY BOY
10.30 THE LAST DAY OF POMPEII (Siri baru) Bhg I
Settingnya ialah T.M. 79 iaitu sebelum terjadinya satu malapetaka besar yang pernah menimpa manusia — meletupnya gunung Vesuvius, di Itali. Pompeii ialah sebuah bandaraya yang meluap dengan cita-cita, angan-angan, cinta dan percintaan yang mempunyai persamaannya dengan Itali sekarang. Di hari terakhirnya, Pompeii sebenarnya meletup dan letupan itu membawanya bersama ke lubang kuburan segala tamadun dan kemunduran yang terdapat di sana waktu itu.
11.30 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN
## 1 APRIL

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 TOM FOOLERY SHOW
5.00 DONKEY KONG
5.30 SURVIVAL SPECIAL : "Space For Wildlife"
6.00 BERITA AWAL
6.05 SURVIVAL SPECIAL — sambungan
6.25 TEKA TEPAT
6.33 AZAN MAGHRIB
6.43 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 T. J. HOOKER : "Hot Property"
Rancangan ini meninjau cara kehidupan-kehidupan liar yang terdapat di kawasan berdekatan Kennedy Space Center, Florida dipadankan dengan suasana di sana yang menimbulkan isu hidupan liar menentang sains dan teknologi.
7.45 AZAN ISYAK
7.49 T. J. HOOKER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK : "Pindang Ikan Sumatra"
Resipinya ada dimuatkan di muka lain akhbar ini.
9.25 GIVE US A CLUE
9.50 DOCUMENTARY SPECIAL : "Pele And His Method"
10.40 FALCON CREST : "The Outcasts"
Suasana malam aman dan tenteram. Terry, Cole dan Chase memerhatikan Maggie yang mundur-mandir di ruang tamu. Paul Hartford mengakui dia dan isterinya ingin memberitahu bahawa Maggie adalah anak asuh.
11.30 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA
## 2 APRIL

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 LUCKY LUKE
5.00 WILDLIFE ON ONE : "The Bat That Cracked The Frog Code"
Mempaparkan satu kejayaan dramatik mengenai kelakuan binatang. Buat pertama kali saintis telah mengsahkan binatang bertulang belakang boleh mengenal mangsanya.
5.30 SPECTRUM
6.00 BERITA AWAL
6.05 NATIONAL GEOGRAPHIC
6.33 AZAN MAGHRIB
6.43 NATIONAL GEOGRAPHIC — Sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOTEL (Siri baru)
7.45 AZAN ISYAK
7.49 HOTEL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.35 KELUARGA
10.25 DYNASTY : "The Treasure"
11.15 SPORT IMAGES : "Triathlon The Super"
12.00 SIARAN TAMAT.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sebagai ketua Pembantu Teknik

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai KETUA PEMBANTU TEKNIK di Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Letrik, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji**: C. 3-4 EB. 5— $1990-$2970 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon sekurang-kurangnya lulus Higher National Diploma in Electrical Engineering, atau yang sebanding dengannya. Sekurang-kurangnya mempunyai 5 tahun pengalaman dalam 11 KV distribution dan low tensions distribution.

ATAU

b) Sekurang-kurangnya mempunyai 10 tahun pengalaman dalam sesuatu jawatan sebagai penyelia, yang berhubung terus dengan 11 KV distribution system operation, pembinaan dan commissioning atau penyelenggaraan siesen tenaga letrik.

ATAU

c) Calon-calon yang tidak mempunyai kelulusan seperti di atas tetapi mempunyai pengalaman pekerjaan sebagai penyelia tidak kurang dari 15 tahun apa jua jurusan di Jabatan ini.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah menamatkan kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang permohonan boleh didapati daripada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Tingkat 4, Bangunan SPA dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 18 April, 1985.

( Bilangan iklan : 6/1985 )

( E/252/84 )

## TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN KERTAS-KERTAS PERCETAKAN/BOARDS KEPADA JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 1985

I. Tawaran-Tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, Hari Isnin 15 April, 1985 bagi membekalkan perkara-perkara di atas ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam bagi Pembekalan 1985.

| ITEM | KETERANGAN-KETERANGAN | BAHAN | UKURAN | BANYAK |
|---|---|---|---|---|
| KERTAS-KERTAS/BOARDS | | | | |
| 1. | Independence/Orbit/Burnie/Radio Bond paper Warna (Tint) seperti berikut:<br>a) Putih (White) — 1000 Reams<br>b) Kalas (Pink) — 500 Reams<br>c) Kuning (Yellow) — 500 Reams<br>d) Biru (Blue) — 500 Reams<br>e) Hijau (Green) — 500 Reams | 60 Gsm | 685×865mm | 3000 Reams |
| 2. | Goatskin Parchment Paper (UK) | 160 Gsm | SRA2 (450×640mm) | 50 Reams |
| 3. | Conqueror High White Laid (UK) | 100 Gsm | SRA1 (640×900mm) | 200 Reams |
| 4. | Swedish Matt Art Paper | 157 Gsm | SRA1 (640×900mm) | 250 Reams |
| 5. | Keaykolour Board (UK) Crepon Snow White | 250 Gsm | 640×970mm | 400 Packets |
| 6. | Samuel Jones Self Adhesive Paper Cut-Back Supreme Gloss | | 508×762mm | 100 Reams |
| 7. | Japanese Invitation Gilt Edge Cards-Pure White | 260 Gsm | 176×126mm | 500 Packets |
| 8. | Kertas Kajang (Ruled Paper) (Dibungkus 1 Ream (500 Keping) satu) | 60 Gsm | A4 (210×297mm) | 4000 Reams |

II. Tawaran yang diterima selepas dari tarikh ditutup tidak akan dilayan.

III. Semua Tawaran HENDAKLAH disertakan dengan contoh Kertas/Board, Cap atau Brand Kertas. Syarikat yang membuat serta keterangan-keterangan yang diperlukan di dalam Borang Tawaran yang disediakan. Semua Tawaran hendaklah menggunakan Borang Tawaran yang disediakan, kegagalan mengisikan keterangan-keterangan yang diperlukan tidak akan dipertimbangkan.

IV. Harga Tawaran adalah termasuk menghantar serta menyusun kertas-kertas yang dibekal ke Stor Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

V. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak ada tanda-tanda sipengirim dan hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dengan menanda di sampul itu :—

PEMBEKALAN KERTAS 1985
KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN,
KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

VI. Borang Tawaran dan penentuan serta keterangan-keterangan lanjut boleh diperolehi dari Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam semasa Pejabat dibuka.

VII. Cagaran tawaran sebanyak $3,000.00 atas nama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah dibayar di Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam. Borang-borang tawaran cuma akan diberikan setelah wang cagaran dijelaskan dengan menunjukkan resit pembayaran dan salinan resitnya HENDAKLAH disertakan dengan tawaran yang dihadapkan. Cagaran ini akan dikembalikan kepada penawar-penawar yang tidak berjaya. Cagaran akan jua dikembalikan kepada Syarikat-Syarikat yang berjaya setelah ia habis membekalkan kertas-kertas yang ditawarkan kepadanya.

VIII. Syarikat-Syarikat yang berjaya akan mengikat kontrek dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan membekalkan kertas-kertas/Board sepanjang tahun dengan mengikut harga-harga tawaran.

IX. Syarikat-Syarikat yang berjaya adalah jua dikehendaki mengikat kontrek dan bersetuju membekalkan kertas-kertas dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut :—

a) 50% dihantar dalam tempoh 75 hari dari tarikh tawaran dimaklumkan.
b) 50% dihantar dalam tempoh 45 hari selepas tempoh penghantaran di atas.

X. Kerajaan berhak menolak tawaran atau mengenakan denda sebanyak $20.00 sehari bagi pembekal yang lambat menghantar atau membatalkan kontrek dengan pembekal pada bila-bila masa tanpa notis jika tidak mengikut peraturan-peraturan yang tersebut di atas. Sebagai tambahan, Jabatan ini akan membuat laporan penuh berkenaan dengan pembekalan yang gagal ke Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam untuk tindakan lanjut.

XI. Syarikat yang berjaya dikehendaki menandatangani satu kontrek dengan Pengarah Percetakan dan bersetuju mengikut syarat-syarat kontrek itu dan peraturan-peraturan Kerajaan yang berjalan pada masa ini.

XII. Kerajaan tidak terikat untuk memilih tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## SEBAGAI PEGAWAI PENAKSIR TANAH

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEGAWAI PENAKSIR TANAH di Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji** : B. 2 EB. 3 — $2270-$4240 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Calon-calon hendaklah sebaik-baiknya berumur 25 tahun ke atas.

b) Calon-calon hendaklah mempunyai 'Fellowship' atau 'Associate Membership daripada R.I.C.S.' atau Bsc. atau B.A dalam Estate Management atau keahlian dalam lain-lain Institusi Penaksiran yang sebanding di samping mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga tahun.

**Tugas-tugas :**

Bertanggungjawab membuat taksiran bagi pengambilan balik tanah, penilaian cukai, harga khas tanah, pinjaman kewangan, 'wayleave' perkara cukai pindah milik atau waris, dan lain-lain lagi. Menyediakan dan mengendalikan kes-kes yang didengar oleh Mahkamah, memberi nasihat dari aspek penaksiran terhadap pelbagai skim Kerajaan dan amnya menyediakan dan melatih kakitangan Bahagian Penaksiran.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah menamatkan kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Permohonan mestilah penuh dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 13 May, 19

( Bilangan iklan : 54 198

( E/727/74 ).

## Pemberitahuan Tawaran Jabatan Adat Istiadat Negara

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari pada 15 April, 1985 bagi membekalkan Alat-Alat Kebesaran.

Contoh-contoh dan butir-butir lanjut boleh didapati dari Jabatan Adat Istiadat Negara, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa waktu bekerja Pejabat dibuka.

Tawaran-tawaran hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat yang bertanda "ADAT ISTIADAT — TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN ALAT-AL KEBESARAN." Dan na pemborong tidak perlu nyatakan di sampul su Sampul surat tersebut hend lah dialamatkan kepada

Pengerusi Lembaga
Tawaran,
Tingkat Empat,
Bangunan Kementeria
Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei
Darussalam.

Kerajaan tidak terikat tuk menerima tawaran-taw an yang rendah ataupun a apa jua tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

**Syarat-syarat Tawaran**

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 29 April, 1985.

2. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikhaskan dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran seperti mana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-1230 dan 1400-1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Jumaat).

4. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Y Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan ter untuk menerima tawaran y paling rendah atau ma mana tawaran.

BIL : PROC/T/77/85
MEMBEKAL :
GOLOK TOOL
CAGARAN : $200.00.

BIL : PROC/T/78/85
MEMBEKAL :
SANDING BELTS
CAGARAN : $100.00.

BIL : PROC/T/79/85
MEMBEKAL :
DEXION MAXI
CAGARAN : $100.00.

BIL : PROC/T/80/85
MEMBEKAL :
NAB SHEET
CAGARAN : $100.00.

BIL : PROC/T/81/85
MEMBEKAL :
TOOL KIT
CAGARAN : $200.00.

BIL : PROC/T/82/85
MEMBEKAL :
RACK WOODEN
CAGARAN : $100.00.

BIL : PROC/T/83/85
MEMBEKAL :
ELEMENT COOKER
CAGARAN : $100.00.

BIL : PROC/T/84/85
MEMBEKAL :
SWITH DIAMMER
CAGARAN : $100.00.

BIL : PROC/T/85/85
MEMBEKAL :
TABEL GS
CAGARAN : $100.00.

## JABATAN PENERANGAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran untuk membekalkan :—

A. Amplifier :—
   i) 1 unit Amplifier jenis 250
   ii) 1 unit Amplifier jenis 200
   iii) 2 unit Amplifier jenis 210
   iv) 10 biji Amplifier jenis AM55120

B. 6 buah kotak pembesar suara

C. 10 batang floor stand mic.

2. Tawaran-tawaran yang dihantar hendaklah mengandungi penentuan dan penjelasan yang penuh dan dikembarkan dengan risalah-risalahnya (katalog-katalog).

3. Tawaran-tawaran mestilah dibuat dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa keterangan di luar sampul surat itu mengenai nama-nama pemohon dan ditanda —

ALAT-ALAT AMPLIFIER DAN FLOOR STAND/MICROPHONE UNTUK JABATAN PENERANGAN, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, sehingga jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 1 April, 1985.

5. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## ...BAGAI PENOLONG PEMERIKSA KERETA-KERETA

...HONAN adalah di- ...daripada calon-calon ...rdiri daripada rakyat ...h Duli Yang Maha ...Paduka Seri Baginda ...dan Yang Dipertuan ... Brunei Darussalam ...dilantik sebagai PE- ...NG PEMERIKSA ...A-KERETA di Jaba- ...gangkutan Darat, Ke- ...an Perhubungan, Ne- ...unei Darussalam.

...gagaji : D 1-2-3 EB ...530-$1625 sebulan.

...an dan Pengalaman : ...mur tidak kurang dari ...ahun. ...Mempunyai Sijil TEC ...EC Certificates Level) ...au kelulusan yang se- ...nding dengannya dari ...aktab atau Sekolah Teknikal yang diiktiraf dalam mata pelajaran yang berkenaan serta mempunyai pengalaman praktikal dalam bidang automobil sekurang-kurangnya 2 tahun.

ATAU

ii) Lulus Tingkatan III dan telah berkhidmat sebagai Tradesman Tingkatan Khas atau Pembantu Teknik dalam bidang yang berkenaan sekurang-kurangnya tiga tahun.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas I dan Kelas V.

d) Boleh mengerti dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

a) Memeriksa kereta-kereta untuk didaftar dan dilesenkan.

b) Menguji pemohon-pemohon untuk ujian mendapatkan lesen memandu.

c) Memeriksa kereta-kereta yang terlibat dalam kemalangan jalan raya dan menghadiri perbicaraan Mahkamah mengenai kemalangan-kemalangan itu.

Syarat-syarat Lantikan :

Calon-calon yang berjaya akan dikehendaki lulus ujian mengenai tugas-tugas Pegawai Melesen dan Pemeriksa Kereta berdasarkan Undang-Undang Lalulintas Jalan Raya Negara Brunei Darussalam dalam tempoh yang ditetapkan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 20 April 1985.

( Bilangan iklan : 15/1985 )
( E/2923/84 ).

## ...rsus Guru Ugama Di MPUSB

...MOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada ...at Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri ...nda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Da...lam, beragama Islam, berumur di antara 16 hingga ...ahun, serta boleh menulis jawi dan lancar membaca ...uran dipelawa untuk mengikuti Kursus 'A' dan 'B' ...Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan hanya ...g-orang yang mempunyai kelayakan dan syarat-sya... di bawah ini akan dipertimbangkan.

Kelayakan-kelayakan

...) Kelayakan untuk Kursus 'A' adalah seperti berikut:—

i) Sijil Pelajaran Ugama (SPU) Brunei atau

ii) 4 mata pelajaran Peringkat 'O' Sijil Am Pelajaran (Singapura Cambridge) atau (Brunei Cambridge) dua daripadanya Pengetahuan Ugama Islam dan Bahasa Melayu;

iii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan syarat mendapat kelulusan dalam mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam dan Bahasa Melayu.

iv) Mana-mana sijil dan kelulusan yang sebanding dengan sijil-sijil di atas.

...) Kelayakan untuk Kursus 'B' adalah seperti berikut:—

i) Sekurang-kurangnya mempunyai Sijil Rendah Pelajaran Brunei (SRPB) atau yang sebanding dengannya dengan syarat lulus dalam pengetahuan Ugama Islam dan Bahasa Melayu atau (Pemohon-pemohon dari Sekolah-sekolah bukan aliran Ugama hendaklah mempunyai kelulusan Darjah VI Ugama).

Syarat-Syarat

...) Pemohon-pemohon yang dipertimbangkan akan dipilih menerusi satu temuduga;

...) Pemohon-pemohon yang berjaya hendaklah terlebih dahulu lulus peperiksaan kesihatan daripada pegawai perubatan Kerajaan;

...) Pemohon-pemohon yang berjaya dikehendaki menandatangani satu Surat Perjanjian dengan Kerajaan Brunei Darussalam untuk mematuhi syarat-syarat berikut:—

i) Tidak akan berkahwin semasa dalam latihan;

ii) Mereka atau penjamin mereka dikehendaki membayar balik dengan sepenuhnya semasa perbelanjaan jika mereka berhenti semasa dalam latihan;

iii) Mereka sanggup berkhidmat dengan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam sekurang-kurangnya lima tahun selepas tamat latihan.

...) Pemohon-pemohon yang berjaya akan mengikuti kursus selama tiga tahun atau lebih.

Elaun

a) Semasa dalam latihan semua pemohon yang diterima masuk akan menerima elaun seperti berikut:—

Bagi Kursus 'A'

| | |
|---|---|
| Bagi Tahun Pertama | $290.00 sebulan |
| Bagi Tahun Kedua | $290.00 sebulan |
| Bagi Tahun Ketiga | $315.00 sebulan |

Bagi Kursus 'B'

| | |
|---|---|
| Bagi Tahun Pertama | $170.00 sebulan |
| Bagi Tahun Kedua | $170.00 sebulan |
| Bagi Tahun Ketiga | $180.00 sebulan |

b) Semua penuntut-penuntut yang berjaya dalam latihan tiga tahun akan dimasukkan ke dalam tingkatan gaji yang sama dengan guru lain yang mempunyai kelulusan yang sejajar seperti berikut :—

i) Kursus 'A' — G.2 — $1050-$1645 EB 1695-$2165

ii) Kursus 'B' — G.1 — $605 -$1530 EB $1590-$1770

Boleh didapati daripada Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam Batu 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan dan hendaklah diisikan dalam tiga salinan dan mestilah dikembalikan dan sampai kepada Pengetua Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan tidak lewat dari 15 April, 1985.

5. Borang-borang yang lewat diterima dari tarikh yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

## Sebagai Pegawai Penyelidik

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan untuk dilantik sebagai PEGAWAI PENYELIDIK di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji : C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Mempunyai kelulusan Diploma yang bersesuaian atau Sijil Tinggi Persekolahan dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu dan Inggeris atau kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

b) Mempunyai kelulusan mata pelajaran Bahasa Melayu-Kesusasteraan Melayu Peringkat 'A' dan sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran Peringkat 'O' (tidak termasuk mata pelajaran Seni Lukis).

c) Mahir menguasai dua Bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) dan boleh menulis dan membaca jawi dengan baik.

ATAU

d) Lulus tiga mata pelajaran Peringkat 'O' (termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu) dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam kerja-kerja penyelidikan Kesusasteraan Melayu dan Kebudayaan Tempatan.

Kelayakan dan Pengalaman :

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 15 April, 1985.

( Bilangan iklan : 48/1985 )
( E/882/73 ).

## Sebagai Tukang Pelan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai TUKANG PELAN di Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: D.1-2-3 EB.4-5 — $530-$1625 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Calon-calon hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 25 tahun dan mestilah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei dalam aliran Inggeris atau Melayu atau yang sebanding dengannya termasuklah lulus dalam mata pelajaran Ilmu Hisab.

b) Pemohon-pemohon yang mempunyai kelulusan kurang dari di atas tetapi mempunyai pengalaman tidak kurang dari 5 tahun bekerja sebagai Tukang Lukis boleh juga dipertimbangkan.

Tugas-tugas :

Tukang Pelan adalah dikehendaki menyediakan pelan-pelan berdasarkan kepada data yang diperolehi dari sukatan luar atas tanah, dari pelan yang sedia ada dan menyediakan pelan yang berukuran lebih besar atau kecil dan membuat kiraan dengan tepat tiap-tiap bidang tanah yang ditunjukkan atas pelan. Dia dari itu, hendaklah mempunyai pengetahuan geometry dan geometrical drawing.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 16 April, 1985.
( Bilangan iklan: 34/1985 )
( E/36/82 )

## JABATAN PELAJARAN, KEMENTERIAN PELAJARAN DAN KESIHATAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### Syarat-syarat Tawaran

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Jabatan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 8 April, 1985.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, bertulis dengan nama perkara yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pelajaran di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender). Bayaran balik cagaran tawaran bolehlah dituntut setelah keputusan tawaran berkenaan disiarkan. Resit salinan asal hendaklah disertakan.

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Harga yang ditawarkan mestilah harga C.I.F. dan pemborong-pemborong yang menghantarkan tawaran mereka hendaklah menyertakan katalog alat-alat yang ditawarkan.

8. Pembekal-pembekal yang berjaya akan dikehendaki menghantar alat-alat yang tersebut di bawah ke sekolah-sekolah/maktab-maktab yang memerlukan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL : JP/09/1985

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR :
KIPAS ANGIN BERDIRI JENIS "NATIONAL" UNTUK SEKOLAH RENDAH KERAJAAN.
CAGARAN : $200.00.

BIL : JP/10/1985

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR :
MESIN CUCI (WASHING MACHINE) UNTUK ASRAMA SEKOLAH.
CAGARAN : $200.00.

BIL : JP/11/1985

MEMBEKAL DAN MEMASANG PETI TV BIMBIT JENIS "PHILLIPS" untuk SEKOLAH RENDAH KERAJAAN DI PENDALAMAN.
CAGARAN : $200.00.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

**BIL. : JKP—3/1985**

1. Nama Projek: RP/PN KG. RATAIE, TEMBURONG : KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR PERINGKAT I.

2. Dokumen tawaran boleh didapati dari :
Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam
mulai dari hari Rabu 20 hingga 30 Mac 1985.

3. Kelayakan pemborong : Kelas 'A' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4. Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (dokumen) + $150.00 (pelan).

5. Tarikh tutup: Hari Isnin 1 April 1985 jam 12.00 tengah hari.

6. Syarat-syarat tawaran : Boleh diperolehi dari Jabatan Kemajuan Perumahan.

**BIL. : JKP-4/1985**

1. Nama Projek : RP/PN LAMBAK KANAN: BINAAN 70 BUAH RUMAH BAGI PERINGKAT 2A.

2. Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari :
Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam.
mulai dari Rabu 27 Mac hingga 6 April 1985.

3. Kelayakan pemborong : Kelas "A" yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4. Cagaran tawaran : $5,000 + $100 (dokumen) + $150 (pelan).

5. Tarikh tutup : Hari Isnin 8 April jam 12.00 tengah hari.

6. Syarat-syarat tawaran : Boleh diperolehi dari Jabatan Kemajuan Perumahan.

**BIL. : JKP-5/1985**

1. Nama Projek : RP/PN LAMBAK KANAN: BINAAN 88 BUAH RUMAH BAGI PERINGKAT 2B.

2. Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari :
Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya, Perkhidmatan Awam,
Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam.
mulai dari Rabu 27 Mac hingga 6 April 1985.

3. Kelayakan pemborong : Kelas "A" yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4. Cagaran tawaran : $5,000 + $100 (dokumen) + $150 (pelan).

5. Tarikh tutup : Hari Isnin 8 April jam 12.00 tengah hari.

6. Syarat-syarat tawaran ; Boleh diperolehi dari Jabatan Kemajuan Perumahan.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: 63 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD414/0139
CADANGAN PERUMAHAN KERAJAAN DI KAMPONG KIARONG PERINGKAT A/2, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 11 April, 1985.

Tarikh tutup: 15 April, 1985.
Cagaran tawaran: $5,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 74 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Specialist Tempatan untuk:

PROJEK No.: AD426/1401
PEMASANGAN ALAT-ALAT DAPUR BAGI CADANGAN RUMAH MEMASAK DAN DEWAN MAKAN DI PERKHEMAHAN PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 April, 1985.

Tarikh tutup: 8 April, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 75 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "A" atau "B" untuk:

PROJEK No.: AD426/310101
PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN PEGAWAI BURUH AWAM DAN KAWASAN ISTIRIHAT, PENANJONG CANTONMENT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 April, 1985.

Tarikh tutup: 8 April, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 76 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD520/010215
PEMBINAAN MASJID BAGI KAWASAN PERPINDAHAN KAMPONG SERASA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28 Mac, 1985.

Tarikh tutup: 1 April, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 77 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL125
MENGATAP SEMULA TIGA BLOK PEJABAT DAN LALUAN DI KURIKULUM DAN BAHAGIAN BUKU-BUKU JABATAN PELAJARAN, JALAN BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28 Mac, 1985.

Tarikh tutup: 1 April, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: 78 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL043
PEMASANGAN PAGAR KESELAMATAN BAGI SEKOLAH MELAYU TANAH JAMBU, JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 30 Mac, 1985.

Tarikh tutup: 3 April, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 79 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL055
PEMASANGAN PAGAR KESELAMATAN BAGI SEKOLAH MELAYU TANJONG MAYA, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 30 Mac, 1985.

Tarikh tutup: 3 April, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 80 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL047
PEMASANGAN PAGAR KESELAMATAN BAGI SEKOLAH MELAYU MATA-MATA, JALAN GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 30 Mac, 1985.

Tarikh tutup: 3 April, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.*
   *(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
   *ATAU*
   *(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama Penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL: 81 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL115
PEMBAIKAN DAN PEMBESARAN PADANG PERMAINAN DI SEKOLAH MELAYU LUBOK PULAU, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 30 Mac, 1985.

Tarikh tutup: 3 April, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 82 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD419/2603
PEMBINAAN KERJA-KERJA LUAR DI STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 30 Mac, 1985.

Tarikh tutup: 3 April, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 83 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL012, 85AB/PEL014, 85AB/PEL015 & 85AB/PEL016
PEMBINAAN KANTIN-KANTIN BAGI SEKOLAH MELAYU PUSAT PENGAJARAN, SEKOLAH MELAYU DELIMA SATU, SEKOLAH MELAYU RAJA ISTERI FATIMAH DAN SEKOLAH MELAYU SUNGAI HANCHING, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 April, 1985.

Tarikh tutupt: 8 April, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 84 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD421/0617
PEMBINAAN MASJID DAN KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DENGANNYA BAGI KAMPONG MASIN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 April, 1985.

Tarikh tutupt: 8 April, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 85 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/14105
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BANGUNAN SEKOLAH RENDAH KERAJAAN HAJI TA KAMPONG TAMOI TENGAH, KAMPONG A BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRU DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh diliha didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Daru hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 April, 1985.

Tarikh tutup: 10 April, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: 86 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-borong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL044 & 85AB/PEL046
PEMASANGAN PAGAR KESELAMATAN B SEKOLAH MELAYU SERASA DAN SEKOL MELAYU DELIMA SATU, JALAN MUA BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRU DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darus hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 April, 1985.

Tarikh tutup: 10 April, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 87 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-borong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/14101
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA SEKO MELAYU TANAH JAMBU DAN RUMAH GU BATU 10, JALAN MUARA, NEGARA BRU DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Daruss hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 April, 1985.

Tarikh tutup: 10 April, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: 88 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-borong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/14101
MEMBAIKI DAN MENCAT SEPENUHNYA NGUNAN SEKOLAH DAN RUMAH GURU KOLAH MELAYU DPS UKONG, DAERAH T TONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Daruss hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 April, 1985.

Tarikh tutup: 10 April, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: 89 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-borong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL019 & 85AB/PEL021
PEMBINAAN KANTIN-KANTIN BAGI SEKOL MELAYU DATO GANDI DAN SEKOLAH ME YU ORANG KAYA BESAR IMAS SUBOK, NE RA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussa hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 April, 1985.

Tarikh tutup: 10 April, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 90 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-borong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL013, 85AB/PEL017 & 85AB/PEL022
PEMBINAAN KANTIN-KANTIN BAGI SEKOL MELAYU BENDAHARA SAKAM BUNUT, KOLAH MELAYU ORANG KAYA SETIA BA KILANAS DAN SEKOLAH MELAYU MU HASHIM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussa hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 April, 1985.

Tarikh tutup: 10 April, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 91 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pe borong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL048
PEMASANGAN PAGAR KESELAMATAN BA SEKOLAH MELAYU ORANG KAYA BESAR IM SUBOK, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGAR BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussal hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 April, 1985.

Tarikh tutup: 10 April, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 92 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pe borong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/10401 & 85AB/10402
KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SE MULA BANGUNAN MASJID YANG SEDIA AD DI KAMPONG KILANAS DAN KAMPON JERUDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat d didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussala hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 April, 1985.

Tarikh tutup: 10 April, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

# EMPAT LAGI DIPLOMAT ASING SEMBAH SURAT TAULIAH LANTIKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima surat-surat tauliah perlantikan empat orang diplomat asing ke negara ini minggu lalu.

Istiadat menyembahkan surat-surat tauliah itu berlangsung di Istana Nurul Iman dalam dua acara berasingan iaitu pada hari Rabu dan hari Khamis.

Pesuruhjaya Tinggi Kanada, Tuan Yang Terutama Manfred Gustav Von Nostitz dan Duta Besar Turki, ke negara ini Tuan Yang Terutama Akgun Han Kiciman menyembahkan surat tauliah perlantikan pada petang hari Rabu lepas.

Kedua-dua diplomat itu kemudiannya diperkenankan mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Tuan Yang Terutama Manfred Gustav Von Nostitz, 32, lulusan dari Universiti Stockholm di bidang Perhubungan Antarabangsa pernah berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Selatan dan Asia Tenggara dalam tahun 1981 dan Pengarah Bahagian Perhubungan Am Amerika Syarikat dalam tahun 1983.

Manakala Tuan Yang Terutama Akgun Han Kiciman, 51, lulusan Universiti Ankara di bidang Sains politik mula berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Turki pada tahun 1963.

Antara lain beliau pernah bertugas sebagai Ketua Jabatan Penerangan dan Ketua Pengarah Protokol di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh ke negara ini Tuan Yang Terutama Farooq Sobhan, 45 tahun dan Duta Belanda ke negara ini Tuan Yang Terutama Pieter Adriaan, 56 tahun menyembah surat tauliah mereka masing-masing pada hari Khamis.

Selepas menyembahkan surat-surat tauliah perlantikan, Kebawah Duli yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap kedua-dua diplomat tersebut.

Tuan Yang Terutama Farooq Sobhan mula memasuki perkhidmatan diplomatik pada tahun 1964 dan sejak itu telah berkhidmat di Kahirah, Paris, Belgrade, Moscow dan New York.

Beliau yang beribu pejabat di Kuala Lumpur pernah menjadi ahli rombongan Bangladesh ke berbagai persidangan antarabangsa seperti sidang-sidang kemuncak berkecuali di Havana, New Delhi, sidang kemuncak Komanwel di Lusaka, dan sidang Islam di Taif. Beliau juga adalah merupakan ahli rombongan Bangladesh ke sidang kemuncak Cancun serta ahli rombongan negaranya ke majlis mesyuarat khas ke-II di Dewan Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu.

Sementara Tuan Yang Terutama Pieter Adriaan yang beribu pejabat di Singapura mempunyai pengalaman selama 29 tahun dalam perkhidmatan diplomatik. Beliau pernah berkhidmat dengan Kementerian Luar negerinya sebelum bertugas di Vienna, Hong Kong, London, New York, Canberra dan Baitulmaqdis.





EMPAT orang diplomat asing ke Negara Brunei Darussalam ketika menyembahkan surat tauliah lantikan mereka kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. (Atas kiri) Pesuruhjaya Tinggi Kanada Tuan Yang Terutama Manfred Gustav Von Nostiz; (atas) Duta Besar Turki, Tuan Yang Terutama Akgun Han Kiciman; (bawah kiri) Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh, Tuan Yang Terutama Farooq Sobhan dan (bawah) Duta Besar Belanda, Tuan Yang Terutama Pieter Adriaan. — Gambar oleh Pg Haji Yaakub dan Ak Bahar. PHO.





# PERTUMBUHAN TAMAN ASUHAN DIBERI PERHATIAN SERIUS

**Oleh Jaafar Ibrahim**

JALAN MUARA. — Dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Dipertuan Negara Brunei Darussalam sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan untuk membuat laporan dan cadangan bagi menghadapi masalah pertumbuhan taman-taman asuhan di negara ini yang dibuka tanpa kebenaran kerajaan termasuklah bagi menutup taman-taman asuhan yang tidak sempurna jika difikirkan perlu.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan mengumumkan bahawa Kementeriannya sedang memberikan perhatian yang serius kepada pertumbuhan taman-taman asuhan yang semakin berkembang dengan pesatnya di seluruh negeri semata-mata bagi mengawal keselamatan nyawa, akal dan mental kanak-kanak damit.

Menegaskan demikian ketika merasmikan Kursus Kepimpinan Ketua-ketua dan Pemimpin-pemimpin Badan Penuntut seluruh negeri yang diadakan di Maktab Sains Paduka Seri Begawan di sini pada hari Isnin lepas Yang Dimuliakan Pehin seterusnya menjelaskan bahawa sebahagian dari taman asuhan yang tidak mendapat kebenaran itu ialah kerana bangunan yang digunakan tidak menepati perkara-perkara seperti syarat tanah, keluasan bilik, kekukuhan bangunan, kesesuaian guru-guru, keselamatan dan seumpamanya.

Kmenteriannya, jelas Yang Dimuliakan Pehin memberikan perhatian yang berat kepada keselamatan nyawa daripada kedudukan jalan raya atau kesukaran dan kesesakan terutama sekali jika berlaku kebakaran.

"Ibu bapa hendaklah berhati-hati, jangan sampai menghantar kanak-kanak damit mereka ke taman asuhan yang tidak sempurna dan tidak mendapat kebenaran kerajaan," tegas Yang Dimuliakan Menteri Pelajaran dan Kesihatan.

Kerana, kata Yang Dimuliakan Pehin, menghantar anak-anak ke taman asuhan yang menggunakan guru-guru yang tidak terlatih untuk mengasuh anak-anak damit hanya akan mendatangkan berbagai masalah bagi pertumbuhan akal dan perkembangan mental anak-anak yang sangat kecil itu.

"Amatlah membahayakan jika menghantar kanak-kanak damit ke taman asuhan yang tidak dibenarkan oleh kerajaan yang menggunakan anak-anak muda belasan tahun untuk menjadi guru yang tidak mempunyai latihan dalam bidang perguruan," tegas Yang Dimuliakan Pehin.

Perkara seperti itu, terang Yang Dimuliakan Menteri Pelajaran dan Kesihatan sangat merugikan kerana kanak-kanak yang mendapat latihan daripada guru-guru yang tidak terlatih akan boleh menjejaskan kecekapan mental anak-anak itu sendiri bila ia mencapai satu peringkat yang lebih tinggi.

Yang Dimuliakan Pehin menjelaskan bahawa pada suatu peringkat para ibu bapa akan diberikan pemahaman betapa bahayanya menghantar kanak-kanak damit ke taman asuhan yang tidak berkualiti dan Kementeriannya sedang membuat kajian untuk menyalurkan anak-anak itu ke sekolah-sekolah Kerajaan menurut keupayaan.

Untuk itu, Yang Dimuliakan Pehin telah menggesa pihak-pihak yang menubuhkan taman-taman asuhan atau apa jua coraknya supaya memastikan keselamatan nyawa anak-anak yang masih damit dan juga mengambil kira dengan memastikan bangunan yang digunakan itu berada dalam keadaan selesa dan selamat.

"Kementerian Pelajaran dan Kesihatan ada mempunyai pegawai-pegawai yang berkebolehan dalam bidang pendidikan dan saya diyakini pelajaran bagi anak-anak damit di bawah umur empat tahun tidak boleh disamakan persekolahannya dengan anak-anak berumur lima tahun ke atas," ujarnya.

"Saya sendiri lebih suka melihat supaya penganjur-penganjur taman asuhan akan menjalankan usaha mereka setakat prasekolah yakni tidak melanjutkan taman asuhan mereka ke peringkat primary atau preparatory khasnya jika mereka tidak berupaya mendapatkan guru-guru yang terlatih," jelasnya.

Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, kata Yang Dimuliakan Pehin tidak bermaksud untuk menghalang atau menekan inisiatif mereka. Mereka sebenarnya layak mendapat penghargaan selagi mereka menjalankan taman-taman didikan itu secara sedar dan bertanggungjawab dan bukan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan material.

Bahkan apa yang lebih penting, tegas Yang Dimuliakan Pehin ialah untuk memenuhi keperluan masyarakat umum di bidang asuhan dan pelajaran anak-anak.

"Kementerian Pelajaran dan Kesihatan sendiri ingin melihat supaya pertumbuhan taman didikan seperti itu akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dengan memenuhi syarat-syarat yang diperlukan umpamanya dari segi tapak tanah dan bangunan yang selamat bagi anak-anak yang masih damit di samping mengawal cara pelajaran dan pengajarannya," terang Yang Dimuliakan Pehin.

Mengenai dengan kursus itu, Yang Dimuliakan Pehin berharap supaya ketua-ketua penuntut akan berusaha bersama pihak sekolah masing-masing pada mengawal keelokan dan keselamatan harta benda sekolah serta memelihara disiplin para penuntut.

Kursus yang julung-julung kalinya dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran dan Kesihatan itu berlangsung selama tiga hari dan berakhir pada hari ini.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.